



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 24 JUN 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13.	INISIATIF BUDI MADANI BANTU KURANGKAN KOS OPERASI PETANI, BERITA RTM -ONLINE KPKM LAKSANA PEMBENIHAN AWAN, ELAK TANAMAN PADI KELANTAN TERJEJAS, BERITA RTM -ONLINE OPERASI PEMBENIHAN AWAN BOLEH TINGKAT PARAS AIR SUNGAI KELANTAN -MAT SABU, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE PEMBENIHAN AWAN DITUMPU DI TUJUH LOKASI SEKITAR KELANTAN, ASTRO AWANI -ONLINE PENYELESAIAN JANGKA PENDEK AKAN DILAKSANA JIKA OPA GAGAL ATASI KEMARAU DI KELANTAN, BULETIN TV3 -ONLINE PEMBENIHAN AWAN TUMPU 7 LOKALITI DI KELANTAN, FREE MALAYSIA TODAY -ONLINE LETUP BATU HAMPARAN TINGKAT ALIRAN AIR KE RUMAH PAM KEMUBU, NASIONAL, BH -8 TINGKAT PARAS AIR SUNGAI KELANTAN, NASIONAL, SH -11 PEMBENIHAN AWAN TINGKAT PARAS AIR SUNGAI KELANTAN, NEGARA, KOSMO -4 CLOUD SEEDING TO FOCUS ON 7 LOCATIONS IN KELANTAN, NATIONAL, THE SUN -3 RICE BOWL UNDER HEAT THREAT, MUKA DEPAN, THE STAR -1 FEELING THE HEAT UP IN THE NORTH, NATION, THE STAR -5 MAT SABU: CLOUD SEEDING IN KELANTAN TO FOCUS ON SEVEN AREAS, NATION, THE STAR -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
14. 15. 16. 17. 18. 19.	'MANY REEFS HIT BY CORAL BLEACHING', NATION, THE STAR -6 SUHU LAUT NAIK, TERUMBU KARANG NEGARA ALAMI KELUNTURAN TERUK, DALAM NEGERI, UM -4 NELAYAN RUGI TAK DAPAT TURUN LAUT!, LOKAL, HM -8 LEBIH 100 NELAYAN BUAT LAPORAN POLIS, NASIONAL, BH -16 UK INSURER NEEDS TO REIMBURSE FISHERMEN, NATION, NST -5 OVER 100 FISHERMEN LODGE POLICE REPORTS, NATION, NST -5	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
20.	KEDAH FARMERS HIT BY WEATHER AND WATER WOES, NATION, THE STAR -5	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
21. 22.	AGROBANK SEDIA DANA HAMPIR RM75,000 TAJA IBADAH KORBAN, BISNES, HM -27 AGROBANK ADVANCES USE OF CASHLESS TRANSACTIONS, BIZ, THE STAR -7	AGROBANK
23. 24.	HARGA SAYURAN, HASIL LAUT MASIH BERPATUTAN, LOKAL, HM -9 TINGGAL KERJAYA DEMI CILI, LOKAL, HM -11	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/6/2024	BERITA RTM	ONLINE	

Inisiatif BUDI MADANI bantu kurangkan kos operasi petani



Ketua Komunikasi Korporat, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Mohammad Ezri Shamsuddin

KUALA LUMPUR, 23 Jun - Inisiatif BUDI MADANI di bawah Agrikomoditi dapat membantu mengurangkan kos operasi pengurusan tanaman golongan petani dan pekebun kecil.

Ketua Komunikasi Korporat, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Mohammad Ezri Shamsuddin berkata agihan terus kepada golongan sasaran merupakan langkah tepat bagi mengelakkan ketirisan.

"Kita di peringkat KPKM turut melaksanakan khidmat nasihat secara turun padang. Kita mengerakkan keseluruhan pegawai daripada 645 pejabat-pejabat pertanian dan juga dibawah Kementerian Pertanian di seluruh Semenanjung Malaysia untuk kita bantu golongan sasaran di bawah Kementerian Pertanian untuk mendaftarkan diri di bawah sistem GeoAgro dan seterusnya adalah di bawah BUDI MADANI itu sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menjadi tetamu rancangan Selamat Pagi Malaysia di Angkasapuri, Kota Media, di sini.

Tambah Mohamad Ezri, ahli yang memerlukan bantuan boleh mengisi permohonan dan hadir ke pejabat pertanian daerah atau peladang yang berhampiran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/6/2024	BERITA RTM	ONLINE	

KPKM laksana pembenihan awan, elak tanaman padi Kelantan terjejas



Operasi Pembenihan Awan (OPA)

SUBANG, 23 Jun- Operasi Pembenihan Awan (OPA) dilaksana Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk meningkatkan paras air semasa Sungai Kelantan.

Ia susulan sungai itu merupakan sumber utama pengairan kawasan penanaman padi seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata inisiatif itu secara langsung memberi manfaat kepada hampir 3,400 pesawah yang mengusahakan aktiviti penanaman padi di kawasan tersebut.

Operasi selama tiga hari sejak Jumaat lalu menyasarkan tujuh kawasan utama antaranya Manik Urai, Pasir Puteh, Tanah Merah, Kemubu dan Dabong.

"Pelaksanaan OPA ini bermatlamat untuk meningkatkan paras air semasa Sungai Kelantan yang begitu kurang ketika ini. Kawasan penanaman padi seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) terjejas dengan kekurangan air yang begitu ketara. Operasi ini dijangka akan dapat menambahbaik sistem pengairan di kawasan Kemubu yang mengalami kemarau panjang.

"Pelbagai inisiatif telah diberikan kepada pesawah meliputi bantuan pam seperti pam mudah alih, booster pump dan backwork pump, pembinaan tubewell dan sebagainya.

"Sebagai tambahan, KADA turut menerima peruntukan sebanyak RM20 juta daripada Kementerian Kewangan bagi perolehan pam mudah alih bersaiz besar yang boleh beroperasi pada paras air yang rendah", katanya kepada pemberita dalam sidang media Operasi Pembenihan Awan di Pangkalan Tentera Udara Subang.

Jelasnya, Rumah Pam Kemubu 3 sedang dalam pembinaan sebagai alternatif penyelesaian isu sumber bekalan air bagi tempoh jangka panjang.

Pelaksanaan program OPA ini melibatkan kerjasama strategik antara KPKM, bersama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/6/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Operasi pembenihan awam boleh tingkat paras air sungai Kelantan – Mat Sabu



KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan memulakan operasi pembenihan awan (OPA) di Kelantan hari ini bagi tujuan meningkatkan paras air Sungai Kelantan supaya dapat mengairi kawasan pertanian terjejas.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, operasi itu dilaksanakan dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara

(Nadma), KPKM, Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) dan Tentera Udara Diraja Malaysia

(TUDM).

“Operasi ini bertujuan untuk meningkatkan paras air Sungai Kelantan agar dapat mengairi kawasan-kawasan pertanian yang terjejas ketika ini.

“OPA merupakan satu proses untuk menggalakkan pembentukan awan hujan. Terdapat dua kaedah yang digunakan dalam OPA, iaitu pembenihan basah dan pembenihan kering.

“Pada pembenihan basah, larutan air garam dicampur dan disemprotkan ke awan untuk merangsang pembentukan titisan hujan. Manakala pada pembenihan kering, serbuk garam diterbangkan ke awan untuk tujuan yang sama,” katanya dalam Facebook rasmi beliau hari ini.



Mohamad Sabu juga melahirkan harapan tinggi supaya inisiatif dari Kerajaan Persekutuan ini dapat membantu para petani dan pesawah yang terjejas ketika ini.

Jumaat lepas, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sudah meluluskan penggunaan dana Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) sebanyak RM5 juta bagi

menjayakan OPA.

“OPA adalah tindakan awal dilakukan Kerajaan Persekutuan bagi mengatasi penyusutan air Sungai Kelantan dan menangani impak fenomena cuaca panas serta Monsun Barat Daya yang dijangka berterusan sehingga penghujung September 2024.

“Taburan hujan yang rendah dicatatkan bermula Februari hingga April tahun ini menyumbang kepada penyusutan paras air Sungai Kelantan serta mengganggu operasi pam di seluruh Kawasan KADA,” ujarnya. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/6/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

Pembenihan awan ditumpu di tujuh lokasi sekitar Kelantan



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu melihat tong bancuhan air garam yang digunakan untuk Operasi Pembenihan Awan (OPA) di Pangkalan Udara Subang.

SUBANG: Operasi Pembenihan Awan (OPA) di Kelantan memberi tumpuan kepada tujuh lokaliti strategik bagi mengatasi masalah penyusutan paras air Sungai Kelantan dan kemarau berpanjangan

yang merundung para pesawah di negeri itu.

Lokasi tersebut meliputi kawasan sekitar Pasir Mas, Kota Bharu, Tanah Merah, Pasir Puteh, Dabong, Kemubu dan Manek Urai.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu memaklumkan, pelaksanaan OPA dijangka dapat memberi manfaat kepada hampir 3,400 pesawah yang mengusahakan penanaman padi di sawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

“OPA ini merupakan tindakan interim daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi menangani isu kekurangan bekalan air untuk penanaman pagi.

“Sebelum ini, pelbagai inisiatif telah diberikan kepada pesawah meliputi bantuan pam mudah alih, pam penggalak, pembinaan telaga tiub dan sebagainya,” katanya pada sidang media sebelum menyertai operasi tersebut dengan menaiki pesawat pengangkut Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) C-130H di Pangkalan Udara Subang, di sini pada Ahad.

OPA kali ini dilangsungkan selama tiga hari dan telah bermula pada Jumaat yang berjaya menghasilkan hujan di zon selatan Kelantan, bagaimanapun tidak berpa berhasil di hari kedua iaitu pada Sabtu (semalam) memandangkan tiada pembentukan awan yang sesuai.

Menurut Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Dr Mohd Hisham Mohd Anip, pembentukan awan kumulonimbus diperlukan bagi proses pembenihan awan.

“Bila awan itu mula terbentuk dan kita buat pembenihan (dengan menyembur bancuhan air garam), insya-Allah ia akan turunkan hujan dengan banyak di kawasan terbabit.

“Biasanya empat tong akan disediakan, setiap tong mengandungi 200 kilogram garam dicampur dengan 1,500 liter air, maka sejumlah 6,000 liter air garam kita bancuh untuk OPA ini.”

Begitupun, sekiranya OPA yang dilaksanakan selama tiga hari ini kurang berhasil, kerajaan siap dengan tindakan susulan jangka pendek untuk mendepani kebarangkalian tersebut.

Menjelaskan mengenai hal tersebut, Ketua Setiausaha KPKM Datuk Lokman Hakim Ali berkata antara langkah yang akan diambil adalah dengan memecahkan batu hamparan berhampiran Rumah Pam Kemubu di Kota Bharu untuk memberi laluan kepada proses penjajaran air ke pam tersebut, sekali gus meningkatkan paras air bagi operasi sedia ada di Pam Kemubu 1 dan 2.

Selain itu, telaga tiub juga akan dipasang di 280 lokasi yang dikenal pasti di sekitar kawasan sawah KADA.

“Seterusnya kita melihat kepada ‘shift piles’ atau pelaksanaan beberapa jajaran di Sungai Kelantan dengan kebenaran Kerajaan Negeri, ini menjadi antara pelan jangka pendek dan sederhana yang boleh dilaksanakan.

“Bagi penyelesaian jangka panjang, kita akan cadangkan pembinaan amfang jajar di kawasan Sungai Kelantan, dan itu akan kita kemukakan semasa Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK 13) nanti.”

Maklum Mohamad, pengeluaran beras negara akan berkurang sekitar empat peratus seandainya kelancaran proses penanaman padi di Kelantan terjejas akibat musim kemarau berpanjangan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/6/2024	BULETIN TV3	ONLINE	

Penyelesaian jangka pendek akan dilaksana jika OPA gagal atasi kemarau di Kelantan



SHAH ALAM: Proses meletupkan atau memecahkan batu hamparan berhampiran Rumah Pam Kemubu, Kota Bharu di Kelantan adalah antara beberapa penyelesaian jangka pendek bagi mengatasi musim kemarau di negeri berkenaan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata inisiatif itu akan dibuat jika operasi pembenihan awan (OPA) selama tiga hari mulai kelmarin, di tujuh lokaliti sekitar Kelantan, tidak berhasil.

Beliau berkata, proses berkenaan bagi memberi laluan kepada proses penjajaran air ke pam Kemubu dengan harapan OPA boleh menghasilkan hujan dalam masa terdekat, sekali gus meningkatkan paras air di kawasan pam bagi operasi sedia ada di Pam Kemubu I dan II.



Selain itu, katanya, telaga tiub akan dipasang di 280 lokasi dikenal pasti di sekitar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), sebagai alternatif mengatasi musim kemarau di Kelantan.

“Beberapa telaga tiub sudah dibuat dalam masa terdekat dan operasi antara dua atau tiga telahpun dilaksanakan. Kita lihat di telaga tiub itu ada air yang boleh digunakan, selain perlu melihat perkembangan semasa antara dua hingga tiga hari lagi”

“Seterusnya, kita melihat kepada ‘shift piles’ atau pelaksanaan beberapa jajaran di Sungai Kelantan dimana proses ini memerlukan kebenaran kerajaan negeri. Ia akan menjadi antara pelan jangka pendek dan sederhana yang boleh dilaksanakan”

“Bagi penyelesaian jangka panjang, kita akan mencadangkan (pembinaan) ampang jajar di kawasan Sungai Kelantan dengan perincian bakal dikemukakan pada Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13),”



Beliau berkata demikian pada sidang media sebelum menyertai OPA di tujuh lokaliti di Kelantan menggunakan Kapal Pengangkut C130H di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk

Lokman Hakim Ali; Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara, Datuk Khairul Shahril Idrus serta Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Meteorologi, Dr Mohd Hisham Mohd Anip.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Rabu lalu, dilaporkan berkata kerajaan bersetuju melaksanakan OPA di Kelantan susulan permohonan daripada KADA bagi menangani impak cuaca panas serta Monsun Barat Daya yang dijangka berterusan sehingga hujung September depan.

Justeru, beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat berkata, dana bernilai RM5 juta daripada Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara digunakan bagi menjayakan OPA berkenaan.

Taburan hujan rendah dicatatkan bermula Februari hingga April lalu, menyumbang kepada penyusutan paras air Sungai Kelantan serta mengganggu operasi pam di seluruh kawasan KADA.

Bagi membolehkan Rumah Pam Kemubu beroperasi sepenuhnya, Sungai Kelantan perlu mencapai aras air pada ketinggian 4.9 meter (m), namun paras air sungai berkenaan pada bacaan terendah iaitu 2.19m pada minggu kedua April lalu, seperti direkodkan KADA.

Sementara itu, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, negara akan berdepan kekurangan kira-kira empat peratus daripada keseluruhan jumlah pengeluaran beras, jika proses penanaman padi sekitar Kelantan, gagal dibuat ekoran musim kemarau berpanjangan.

Selain itu, katanya, proses penanaman padi di beberapa negeri lain setakat ini, belum berada di tahap mencemaskan dengan taburan hujan direkodkan pada kadar positif di beberapa kawasan di seluruh negara.

“Semalam hujan lebat di sekitar Bagan Serai, Perak dan saya berada di sekitar sana ketika itu. Saya nampak memang berlaku catuan air di Bukit Merah, Perak ketika ini, tetapi dengan hujan lebat dua malam berturut-turut, kita harap ia mampu meningkatkan paras air di situ,” katanya.

Mengenai OPA di Kelantan, katanya, tumpuan diberikan di sekitar Pasir Mas, Kota Bharu, Tanah Merah, Pasir Puteh, Dabong, Kemubu dan Manek Urai dengan campuran air garam dilepaskan pada ketinggian antara 5,000 hingga 7,000 kaki, bertujuan meningkatkan paras

air semasa Sungai Kelantan yang menjadi sumber utama pengairan kawasan penanaman padi seliaan KADA.



Beliau berkata, hari pertama pelaksanaan OPA kelmarin, menghasilkan hujan di zon selatan Kelantan, namun operasi didapati kurang berkesan semalam, susulan tiada pembentukan awan bersesuaian, menyebabkan tiada hujan direkodkan.

“Operasi ini dijangka dapat menambah baik sistem pengairan di kawasan Kemubu yang mengalami kemarau berpanjangan. Ia secara langsung memberi manfaat kepada hampir 3,400 pesawah di kawasan ini.

“OPA ini adalah tindakan interim bagi menangani isu kekurangan bekalan air bagi penanaman padi. Sebelum ini, pelbagai inisiatif sudah dilaksanakan kepada pesawah, meliputi bantuan pam mudah alih, ‘booster pump’, pembinaan telaga tiub dan sebagainya,” katanya.

Sementara itu, Mohd Hisham berkata, pembentukan awan kumululus menara atau kumulonimbus, diperlukan bagi memastikan kejayaan proses pembenihan awan menghasilkan hujan lebat di sesuatu kawasan.

“Apabila awan itu mula terbentuk dan kita ‘seed’ (melakukan proses pembenihan awam), insya-Allah ia akan turunkan hujan dengan banyak di kawasan terbabit. Biasanya kita akan sediakan empat tong dengan setiap daripadanya mengandungi bancuhan terdiri daripada 200 kilogram garam dan 1,500 liter air,” katanya.

Pembenihan awan tumpu 7 lokaliti di Kelantan



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Mohamad Sabu berkata operasi pembenihan awan menumpukan kawasan sekitar Pasir Mas, Kota Bharu, Tanah Merah, Pasir Puteh, Dabong, Kemubu dan Manek Urai. (Gambar Bernama)

SUBANG JAYA: Operasi pembenihan awan (OPA) di Kelantan memberi tumpuan kepada tujuh lokaliti strategik di sekitar negeri itu,

dalam usaha mengatasi masalah penyusutan air Sungai Kelantan dan kemarau berpanjangan yang dihadapi pesawah.

Tujuh lokaliti tumpuan itu meliputi kawasan sekitar Pasir Mas, Kota Bharu, Tanah Merah, Pasir Puteh, Dabong, Kemubu dan Manek Urai.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Mohamad Sabu berkata pelaksanaan operasi itu, bertujuan meningkatkan paras air semasa Sungai Kelantan yang menjadi sumber utama pengairan kawasan penanaman padi seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

“Operasi ini dijangka dapat menambah baik sistem pengairan di kawasan Kemubu yang mengalami kemarau panjang. Ia secara langsung memberi manfaat kepada hampir 3,400 pesawah yang mengusahakan aktiviti penanaman padi di kawasan ini.

“OPA ini merupakan tindakan interim daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), bagi menangani isu kekurangan bekalan air untuk penanaman padi. Sebelum ini, pelbagai inisiatif diberi kepada pesawah meliputi bantuan pam mudah alih, pam penggalak, pembinaan telaga tiub dan sebagainya,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media OPA di Kelantan, sebelum menyertai operasi itu dengan menaiki pesawat pengangkut Tentera Udara C-130H di Pangkalan Udara Subang.

Mengenai perkembangan terkini OPA, Mohamad berkata operasi pada hari pertama Jumaat lalu berjaya menghasilkan hujan di zon selatan Kelantan, namun pada hari kedua (semalam), operasi itu didapati kurang berkesan kerana tiada pembentukan awan di negeri terbabit.

Mengulas lanjut, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Mohd Hisham Mohd Anip berkata pembentukan awan kumulus menjulang atau awan kumulonimbus diperlukan bagi proses pembenihan awan, untuk menghasilkan hujan yang lebat di sesuatu kawasan.

“Apabila awan itu mula terbentuk dan kita buat pembenihan (sembur campuran air garam), insya-Allah ia akan turunkan hujan dengan banyak di kawasan terbabit... Biasanya kita akan sediakan empat tong, setiap tong kita sediakan 200kg garam dan 1,500 liter air, maka jika empat tong sejumlah 6,000 liter air garam yang kita bancuh untuk OPA ini,” katanya.

Sementara itu, Mohamad berkata negara akan berdepan kekurangan kira-kira 4% daripada keseluruhan jumlah pengeluaran beras, jika proses penanaman padi di sekitar Kelantan terus terjejas susulan musim kemarau yang berpanjangan.

Menjawab pertanyaan mengenai tindakan susulan sekiranya OPA yang dijalankan selama tiga hari kurang berhasil, Mohamad berkata KPKM akan mengambil tindakan jangka masa pendek bagi mengatasi masalah berkenaan.

Letup batu hamparan tingkat aliran air ke Rumah Pam Kemubu

Inisiatif dibuat jika operasi pembenihan awan 3 hari di Kelantan tidak berhasil

Oleh Muhammad Yusuf Muzamir
yusuf.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Meletupkan atau memecahkan batu hamparan berhampiran Rumah Pam Kemubu, Kota Bharu di Kelantan bagi proses penjarangan untuk meningkatkan paras air, menjadi antara beberapa penyelesaian jangka pendek mengatasi masalah air akibat kemarau.

Batu hamparan ialah batu besar yang rata, lebar dan berada di dasar sungai yang menghalang air sungai masuk ke kawasan pam.

Proses memecahkan batu hamparan di laluan air masuk kawasan pam membolehkan air Sungai Kelantan tetap mengalir walaupun berada pada paras yang rendah.

Difahamkan, terdapat batu hamparan berukuran tiga meter (m) dari dasar sungai yang terletak di kawasan laluan air masuk kawasan pam, sekali gus menghalang operasi kemudahan berkenaan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata inisiatif itu akan dibuat jika operasi pem-

benihan awan selama tiga hari mulai kelmarin, di tujuh lokaliti di Kelantan, tidak berhasil.

Beliau berkata, proses berkenaan bagi memberi laluan kepada proses penjarangan air ke pam Kemubu dengan harapan pembenihan awan boleh menghasilkan hujan pada masa terdekat, sekali gus meningkatkan paras air di kawasan pam bagi operasi sedia ada di Pam Kemubu I dan II.

Pasung telaga tiub

Selain itu, katanya, telaga tiub akan dipasang di 280 lokasi dikenali pasti di sekitar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) sebagai alternatif mengatasi musim kemarau di Kelantan.

"Beberapa (telaga tiub) sudah dibuat dalam masa terdekat dan (operasi) antara dua atau tiga telapung dilaksanakan.

"Kita lihat di telaga tiub itu ada air yang boleh digunakan, selain perlu melihat perkembangan semasa antara dua hingga tiga hari lagi.

"Seterusnya, kita melihat ke- pada shift pices atau pelaksanaan beberapa jajaran di Sungai Kelantan dengan (proses ini memerlukan) kebenaran kerajaan negeri. Ia akan menjadi antara pelan jangka pendek dan sederhana yang boleh dilaksanakan.

"Bagi penyelesaian jangka panjang, kami akan mencadangkan (pembinaan) Ampang Jajar di kawasan Sungai Kelantan dengan perincian bakal dikemukakan pada Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13)," katanya.



Mohamad meninjau persiapan operasi pembenihan awan di Kelantan menggunakan pesawat pengangkut C130H di Pangkalan TUDM Subang, semalam. (Foto BERNAMA)

Beliau berkata demikian pada sidang media sebelum menyertai OPA di tujuh lokaliti di Kelantan menggunakan Kapal Pengangkut C130H di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang, di sini semalam.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Rabu lalu, dilaporkan berkata kerajaan bersetuju melaksanakan pembenihan awan di Kelantan susulan permohonan KADA bagi menangani impak cuaca panas serta Monsun Barat Daya yang dijangka berterusan sehingga hujung September.

Justeru, beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat berkata, dana RM5 juta daripada Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara digunakan bagi menajayakan operasi pembenihan awan berkenaan.

Taburan hujan rendah dicatatkan bermula Februari hingga April lalu, menyumbang kepada penyesuaian paras air Sungai Kelantan serta mengganggu operasi pam di seluruh kawasan KADA.

Bagi membolehkan Rumah Pam Kemubu beroperasi sepenuhnya, Sungai Kelantan perlu mencapai aras air pada ketinggian 4.9m, namun parasnya pada bacaan terendah ialah 2.19m pada minggu kedua April lalu seperti direkodkan KADA.

Sementara itu, Mohamad berkata, negara akan berdepan kekurangan kira-kira empat per-

tus daripada keseluruhan jumlah pengeluaran beras, jika proses penanaman padi sekitar Kelantan gagal dibuat ekoran musim kemarau berpanjangan.

Selain itu, katanya, proses penanaman padi di beberapa negeri lain setakat ini belum berada di tahap mencemaskan dengan taburan hujan direkodkan pada kadar positif di beberapa kawasan di seluruh negara.

"Semalam hujan lebat di Bagan Serai, Perak dan saya berada di sekitar sana ketika itu.

"Menung berlaku catutan air di Bukit Merah, Perak ketika ini tetapi dengan hujan lebat dua malam berturut-turut, kita harap ia mampu meningkatkan paras air," katanya.

Tingkat paras air Sungai Kelantan

Operasi pembenihan
awan usaha elak
penanaman padi terjejas

Oleh NOR SYAMIRA LIANA NOR
ASHAHA
SUBANG JAYA

kurangan kira-kira empat peratus bekalan padi. Bagaimanapun, negeri lain tidak berada pada tahap yang cemas," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar OPA di Kelantan, sebelum menyertai operasi itu dengan menaiki pesawat pengangkut Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) C-130H di Pangkalan Udara TUDM Subang pada Ahad.

Hadir sama, Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Lokman Hakim Ali; Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), Datuk Khairul Shahril Idrus; Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Dr Mohd Hisham Mohd Anip dan Komander Pangkalan Udara Subang, Brigedier Jeneral Yusri Jamari TUDM.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi meluluskan penggunaan dana Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) RM5 juta bagi menjayakan OPA di Kelantan.

Mohamad berkata, OPA itu merupakan tindakan interim KPKM bagi menangani isu kekurangan bekalan air untuk penanaman padi dan pelbagai inisiatif diberikan kepada pesawah meliputi

FOTO ROSLIT ALIB



Mohamad (lima dari kiri) meninjau proses bancuhan 6,000 liter air garam yang diperlukan bagi sesi OPA di Pangkalan Udara TUDM Subang pada Ahad.

bantuan pam seperti pam mudah alih, *booster pump* serta *backwork pump* selain pembinaan telaga tiub.

Katanya, KPKM turut merangka operasi di darat seperti pam bergerak dan pembinaan telaga tiub di beberapa lokasi berhampiran KADA, jika pelaksanaan OPA kurang memberangsangkan.

Sementara itu Lokman Hakim berkata,

280 lokasi dikenal pasti di sekitar KADA untuk pembinaan telaga tiub.

"Kita telah buat (bina) beberapa dalam masa terdekat ini. Ada dua tiga yang telah kita laksanakan dan boleh lihat di telaga tiub itu ada air yang boleh digunakan. Kita akan lihat perkembangan kembangannya dalam tempoh dua ke tiga hari lagi," katanya.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melaksanakan Operasi Pembenihan Awan (OPA) pada 21 hingga 23 Jun bagi meningkatkan paras air semasa Sungai Kelantan.

Menurutnya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pendekatan itu dilakukan susulan sungai itu menjadi sumber utama pengairan kawasan penanaman padi seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Menurutnya, ia secara langsung memberi manfaat kepada hampir 3,400 pesawah.

"Sekiranya OPA ini tidak berjaya, penanaman (padi) tidak akan berlaku pada musim ini. Jadi kita akan ke-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/6/2024	KOSMO	NEGARA	4

Pembenihan awan tingkat paras air Sungai Kelantan

PETALING JAYA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah melakukan operasi pembenihan awan (OPA) di Kelantan semalam bagi meningkatkan paras air sungai di negeri itu.

Menteri Pertanian, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, OPA itu dilakukan dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), KPKM, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Operasi ini bertujuan untuk meningkatkan paras air Sungai Kelantan agar dapat mengairi kawasan-kawasan pertanian yang terjejas ketika ini.

“Semoga inisiatif dari Kerajaan Persekutuan ini dapat membantu para petani dan pesawah yang terjejas ketika ini,” tulisnya di laman Facebook semalam.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, OPA merupakan satu proses untuk menggalakkan pembentukan awan hujan. Katanya, terdapat dua kaedah yang digunakan dalam OPA, iaitu pembenihan basah dan pembenihan kering.

Pada pembenihan basah, larutan air garam dicampur dan disemprotkan ke awan untuk rangsang pembentukan titisan hujan,” jelasnya.

Cloud seeding to focus on 7 locations in Kelantan

SUBANG JAVA: The cloud-seeding operation (CSO) in Kelantan will focus on seven strategic localities in the state in efforts to address the drop in water level in Sungai Kelantan and the prolonged drought affecting padi farmers.

The seven targeted localities are Pasir Mas, Kota Bharu, Tanah Merah, Pasir Puteh, Dabong, Kemubu, and Manek Urai.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the operation aims to increase the water level in Sungai Kelantan, which serves as the main irrigation source for the Kemubu Agricultural Development Authority padi cultivation areas.

"The operation is expected to enhance the irrigation system in the Kemubu area, which has been experiencing prolonged drought. It will directly benefit nearly 3,400 padi farmers in the area.

"Mobile pumps, booster pumps, tube well construction, and others have been provided to farmers," he said before participating in the operation using a Royal Malaysian Air Force C-130H transport aircraft from Subang Air Base here yesterday.

Mohamad said on the first day last Friday, rainfall was successfully induced in the southern zone of Kelantan.

However, on the second day (Saturday), the operation was less effective as no cloud formation occurred.

Meteorological Department (deputy director-general (Operations) Dr Mohd Hisham Mohd Anip said the formation of "towering cumulus" is necessary to produce heavy rainfall in a specific area. — Bernama

Rice bowl under heat threat

Two of the country's largest rice producers, Kedah and Kelantan, have been hit by progressively drier conditions, with farmers even forced to leave their fields unplanted. The authorities are taking measures to ensure that national rice production is not at risk.

> See reports on page 5
by KHOO GEK SAN



Making it rain: The Royal Malaysian Air Force C-130H transport aircraft getting ready at the Subang Air Base in Selangor for the cloud seeding operation in Kelantan. — Bernama

Feeling the heat up in the north


He said the operation aims to increase the water level in Sungai Kelantan, which serves as the main irrigation source for the Kemubu Agricultural Develop-

He said the operation aims to increase the water level in Sungai Kelantan, which serves as the Kelantan irrigation source for the Kemubu and Manek Urai.

Elaborating on the matter, Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) deputy director-general (operations) Dr

Meanwhile, Mohammad said the country could face a shortfall of 50," he said.

He added that tube wells will also be installed at 280 identified



He said he approved RM\$5 million. "We are requesting the Federal parts of Kota Bharu who rely on the Government for their economic survival."

Elaborating on the matter, water mixture prepared for this CSO," he said.

Meanwhile, Mottam said the company could face a shortfall of about 4% of its total rice production within Koda areas.

SUBANG JAVA: The cloud seedling operation (CSO) in Kelantan before participating in the operation using a Royal Kelantan continues to be affected

